



31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 371

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 2018

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
RULES 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2018**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan kaedah 33

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U.(A) 493/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 33—

(a) dalam teks bahasa Inggeris—

(i) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “refund” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “return”;

(ii) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “refund” dengan perkataan “return”; dan

(b) dengan menggantikan subkaedah (3) dan (4) dengan subkaedah yang berikut:

“ (3) Jika Lembaga telah membenarkan pengembalian caruman yang dibayar secara silap di bawah kaedah ini dan apa-apa dividen daripadanya, sekiranya ada, pengembalian caruman dan dividen hendaklah dibuat mengikut cara yang diperuntukkan di bawah kaedah 42, kepada majikan

atau kepada ahli Kumpulan Wang, atau kepada kedua-duanya, mengikut kehendak yang berkenaan, bagi amaun caruman dan dividen itu.

(4) Jika Lembaga telah membenarkan pengembalian caruman dan apa-apa dividen daripadanya di bawah subkaedah (3) dan pengembalian caruman dan dividen itu tidak ditunaikan atas apa jua alasan, Lembaga hendaklah—

(a) jika akaun ahli dengan Kumpulan Wang belum lagi ditutup, mengkreditkan jumlah caruman dan dividen itu kepada akaun ahli tersebut; atau

(b) jika akaun ahli dengan Kumpulan Wang telah ditutup atau jika majikan tidak dapat dikesan, memindahkan jumlah caruman dan dividen itu kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 [*Akta 370*].”.

Pindaan kaedah 41

3. Kaedah 41 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (10) subkaedah yang berikut:

“ (10A) Jika notis pengeluaran dibuat atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan bagi pengajian tinggi bagi dirinya sendiri atau bagi anaknya, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah memberikan suatu notis pengeluaran kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga untuk membuktikan bahawa—

(a) ahli Kumpulan Wang itu atau anaknya memerlukan pembiayaan bagi pengajian tinggi;

(b) ahli Kumpulan Wang itu telah mengambil pinjaman pembiayaan bagi pengajian tinggi bagi dirinya sendiri dan pinjaman itu masih belum dibayar; atau

(c) ahli Kumpulan Wang itu atau ahli Kumpulan Wang itu bersama-sama dengan anaknya telah mengambil pinjaman pembiayaan bagi pengajian tinggi anaknya dan pinjaman itu masih belum dibayar.

(10B) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dibuat di bawah subkaedah (10A), Lembaga boleh membayar sebahagian atau keseluruhan—

(a) jumlah yang diperlukan bagi pembiayaan bagi pengajian tinggi itu; atau

(b) pinjaman itu yang masih belum dibayar.

(10C) Apa-apa pembayaran yang dibuat di bawah subkaedah (10B) hendaklah tidak melebihi jumlah yang diperlukan bagi pembiayaan bagi pengajian tinggi itu, pinjaman yang masih belum dibayar itu atau amaun dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

(10D) Lembaga boleh membenarkan pembayaran di bawah subkaedah (10B) dibuat mengikut cara yang diperuntukkan di bawah kaedah 42 kepada—

(a) ahli Kumpulan Wang itu;

(b) institusi pengajian yang berkenaan; atau

(c) institusi pemberian pinjaman yang dibenarkan oleh Lembaga.

(10E) Bagi maksud subkaedah (10A), (10B), (10C) dan (10D), melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"anak" ertinya anak ahli Kumpulan Wang, anak tiri ahli Kumpulan Wang, anak yang diambil sebagai anak angkat oleh ahli Kumpulan Wang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan dan anak yang dijaga oleh ahli Kumpulan Wang menurut Akta Penjagaan Budak 1961 [*Akta 351*];

"institusi pengajian" ertinya institusi pengajian yang menawarkan pengajian tinggi, atau mana-mana institusi pengajian yang dibenarkan oleh Lembaga;

"pembiayaan bagi pengajian tinggi" ertinya yuran pengajian tinggi atau apa-apa bayaran berhubung dengan pengajian tinggi yang dibenarkan oleh Lembaga;

"pengajian tinggi" ertinya—

(a) pengajian peringkat diploma atau yang setaraf dengannya, pengajian peringkat ijazah atau yang setaraf dengannya, atau pengajian peringkat ijazah lanjutan atau yang setaraf dengannya, yang ditawarkan oleh institusi pengajian; atau

(b) mana-mana kursus profesional atau kemahiran yang dibenarkan oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 42

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 42 dengan kaedah yang berikut:

“Jenis pembayaran dan pelepasan tanggungan

42. (1) Jika Lembaga telah membenarkan suatu pengeluaran dari Kumpulan Wang di bawah seksyen 54 Akta, Lembaga boleh membuat pembayaran dengan mengkreditkan jumlah pengeluaran itu secara terus ke dalam akaun bank —

(a) ahli Kumpulan Wang atau pemohon, mengikut mana yang berkenaan; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa oleh seorang ahli Kumpulan Wang atau pemohon melalui surat kuasa wakil yang telah disempurnakan untuk menerima amaun pembayaran bagi pihak ahli Kumpulan Wang itu atau pemohon itu.

(2) Bagi tujuan pembayaran di bawah subkaedah (1), tanggungan Lembaga hendaklah disifatkan telah dilepaskan bermula dari tarikh pengeluaran yang diperuntukkan di bawah seksyen 54B Akta.

(3) Lembaga hendaklah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa penyalahgunaan oleh mana-mana orang bagi mana-mana jumlah yang dibayar mengikut subkaedah (1).”.

Pemotongan kaedah 43

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 43.

Pindaan kaedah 44

6. Kaedah 44 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “waran” dengan perkataan “cek jurubank”;

(b) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “waran” dengan perkataan “cek jurubank”; dan

(c) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “waran” dengan perkataan “cek jurubank”.

Pindaan kaedah 46

7. Kaedah 46 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong subkaedah (3).

Pemotongan kaedah 47

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 47.

Pindaan kaedah 48

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 48 dengan kaedah yang berikut:

“Permohonan Pengeluaran

48. Setiap notis pengeluaran hendaklah mengandungi cap ibu jari kanan ahli Kumpulan Wang atau pemohon, mengikut mana yang berkenaan, melainkan Lembaga dalam apa-apa keadaan tertentu mengarahkan selainnya.”.

Dibuat 31 Disember 2018
[9/1/GUB(U)-29 Vol. 3; PN(PU2)498/XIV]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND RULES (AMENDMENT) 2018

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Rules 2018**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2019.

Amendment of rule 33

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U.(A) 493/1991*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 33—

(a) in the English language text—

(i) in subrule (1), by substituting for the word “refund” wherever appearing the word “return”; and

(ii) in subrule (2), by substituting for the word “refund” the word “return”; and

(b) by substituting for subrules (3) and (4) the following subrules:

“ (3) Where the Board has authorized the return of contributions paid in error under this rule and any dividend thereon, if any, the return of the contributions and dividend shall be made in accordance with the manner provided under rule 42, to the employer or to the member of the Fund, or to both, as the case may require, for the amount of such contributions and dividend.

(4) Where the Board has authorized the return of the contributions and any dividend thereon under subrule (3) and the return of the contributions and refund is not satisfied for whatsoever reason, the Board shall —

(a) where the member's account with the Fund is not closed, credit the sum of the contributions and dividend to the member's account; or

(b) where the member's account with the Fund has been closed or where the employer cannot be found, transfer the sum of the contributions and dividend to the Registrar of Unclaimed Money in accordance with the Unclaimed Moneys Act 1965 [Act 370].”.

Amendment of rule 41

3. Rule 41 of the principal Rules are amended by inserting after subrule (10) the following subrules:

“ (10A) Where the notice of withdrawal is made on the ground that the member of the Fund requires financing for higher learning for himself or for his child, the member of the Fund shall give a withdrawal notice to the Board in accordance with any manner as may be determined by the Board to prove that—

(a) the member of the Fund or his child requires the financing for higher learning;

(b) the member of the Fund has taken a loan for the financing for higher learning for himself and the loan remains outstanding;
or

(c) the member of the Fund or the member of the Fund jointly with his child has taken a loan for the financing for higher learning for his child and the loan remains outstanding.

(10B) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal made under subrule (10A), the Board may pay partly or wholly—

(a) the sum required for the financing for higher learning; or

(b) the outstanding loan.

(10C) Any payment made under subrule (10B) shall not exceed the amount required for the financing for higher learning, the outstanding loan or the amount in the member of the Fund's Account II, whichever is lesser.

(10D) The Board shall authorize the payment under subrule (10B) be made in accordance with the manner provided under rule 42 to —

(a) the member of the Fund;

(b) the relevant learning institution; or

(c) the money lending institution authorized by the Board.

(10E) For the purpose of subrules (10A), (10B), (10C) and (10D), unless the context otherwise requires—

“child” means a child of the member of the Fund, step child of the member of the Fund, a child adopted by the member of the Fund under any written law relating to adoption and a child under the custody of the member of the Fund in accordance with the Guardianship of Infants Act 1961 [Act 351];

“learning institution” means learning institution offering higher learning, or any learning institution authorized by the Board;

“financing for higher learning” means higher learning fees or any payment in relation to higher learning authorized by the Board;

“higher learning” means—

(a) learning of diploma level or equivalent thereof, learning of degree level or equivalent thereof, or learning of advanced degree or equivalent thereof, offered by learning institution; or

(b) any professional or skilled course authorized by the Board.”.

Amendment of rule 42

4. The principal Rules are amended by substituting for rule 42 the following rule:

“Types of payment and discharge of liability

42. (1) Where the Board has authorized a withdrawal from the Fund under section 54 of the Act, the Board may make payments by crediting the sum of withdrawal directly into the bank account of—

(a) the member of the Fund or the applicant, as the case may be; or

(b) any persons duly authorized by a member of the Fund or applicant by a power of attorney duly executed to receive the amount of payment on behalf of the member of the Fund or the applicant.

(2) For the purpose of payment under subrule (1), the liability of the Board shall be deemed to have been discharged beginning from the date of the withdrawal provided under section 54B of the Act.

(3) The Board shall not be responsible for any misuse by any person for any amount paid in accordance with subrule (1).”.

Deletion of rule 43

5. The principal Rules are amended by deleting rule 43.

Amendment of rule 44

6. Rule 44 of the principal Rules are amended—

(a) in the marginal note, by substituting for the word “warrant” the words “banker’s cheque”;

(b) in subrule (1), by substituting for the word “warrant” the words “banker’s cheque”; and

(c) in subrule (2), by substituting for the word “warrant” the words “banker’s cheque”.

Amendment of rule 46

7. Rule 46 of the principal Rules are amended by deleting subrule (3).

Deletion of rule 47

8. The principal Rules are amended by deleting rule 47.

Amendment of rule 48

9. The principal Rules are amended by substituting for rule 48 the following rule:

“Withdrawal Application

48. Every notice of withdrawal shall bear the right thumb impression of the member of the Fund or the applicant, as the case may be, unless the Board in any particular case otherwise directs.”.

Made 28 December 2018
[9/1/GUB(U)-29 Vol. 3; PN(PU2)498/XIV]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Chairman
Employees Provident Fund Board